

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Portal Islam & Melayu

TARIKH : Jumaat, 15 April 2016



Lebih 500 judul bahan jawi dalam format digital

April 15, 2016



KUALA LUMPUR, Jumaat — Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sehingga kini telah mendigitalkan 583 judul dan 28,103 muka surat bahan Jawi bagi memudahkan ia diakses lebih pantas.

Ketua Pengarahnya, Nafisah Ahmad berkata bahan Jawi itu terdiri daripada 452 judul Manuskrip Melayu dengan 21,471 muka surat; 96 judul buku Nadir atau peribadi dengan 15,224 muka surat dan 35 judul majalah dengan 1,408 muka surat.

“Bahan ini boleh diakses melalui Portal Sumber Elektronik PNM,” katanya pada sidang media khas Klinik Jawi di sini, hari ini.

Nafisah berkata Perpustakaan Negara kini mempunyai kira-kira 4,600 naskhah manuskrip Melayu sejak tahun 1985 dan sebahagian daripada jumlah itu masih dalam proses pemindahan dalam format digital.

Beliau berkata usaha pendigitalan itu akan terus dipergiatkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk membudaya dan menyemarakkan semula penggunaan Jawi dalam kalangan masyarakat selain mempertahankannya sebagai khazanah warisan negara.

Menyentuh mengenai Klinik Jawi, katanya program terbitan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm) yang dilancarkan sejak 2012 itu, meneruskan siaran selama 90 episod mulai 2 April lepas.

“Sepanjang penyiaran rancangan Klinik Jawi mulai 2012 hingga 2014, program ini menarik 50,000 hingga 80,000 bilangan pendengar setiap kali ke udara yang merangkumi pelbagai kaum sementara Facebook Klinik Jawi sehingga kini mempunyai seramai 3,186 pengikut,” katanya.

Pengarah Pusat Media IKIM, Nik Roskiman Abdul Samad berkata program dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu kembali bersiaran selama 30 minit setiap 9.30 pagi hari Sabtu, berbanding sebelum ini ke udara selama 15 minit pada setiap Sabtu, mulai 10 pagi.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP , Rusli Ab Ghani berkata pihaknya sedang menyiapkan buku Pedoman baharu ejaan Jawi dalam usaha menyokong budaya penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat.

“Kami mengambil kira pandangan pelbagai pihak dan pakar dalam menyediakan pedoman baharu Jawi yang dijangka siap pada Jun ini selain langkah untuk menerbitkan buku rujukan daftar dalam tulisan Rumi dan Jawi,” katanya. —

Bernama